

Oleh **Abd Razak Hussin**



Bangkit dari jerih payah usahawan disanjung

Sudah lama inisiatif digerakkan untuk menubuhkan persatuan bagi menyatukan anak Sabah dan Labuan berpendidikan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Walaupun ada ribuan alumni dari situ sejak 1970, rupa-rupanya tidak mudah untuk menubuhkan sebuah organisasi berasaskan semangat sukarela, tetapi dapat menjadi payung yang menyatukan.

Bagaimanapun, hasil usaha Datuk Almain Ajirul, Pengarah Penerangan Sabah dan rakan-rakan, Persatuan Alumni UKM (Sabah & WP Labuan) berjaya ditubuh dan didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia. Persatuan itu dilancarkan penubuhannya di Kota Kinabalu pada 29 November lalu oleh YB Datuk Rozman Isli, Ahli Parlimen Labuan, juga alumni UKM. Majlis turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Pelajar & Alumni) Prof Datin Noor Aziah Mohd Awal dan 150 ahli.

Dalam ucapannya, Almain yang bergraduat pada 1984 mengimbau kenangan alumni kepada kehidupan kampus yang membentuk keakraban persahabatan. Sate Kajang, bas Foh Hup, bas Sum dan Restoran Pak Din di pinggir lebuh raya adalah antara kenangan yang mengeratkan pelajar UKM sehingga 1990, termasuk pelajar dari Sabah dan Labuan. Keakraban itu mendorong mereka menubuhkan Persatuan Mahasiswa/i Sabah (PERMIS) wadah untuk menjalankan pelbagai aktiviti, khususnya membangunkan masyarakat terutama ketika cuti semester.

Saya berkesempatan bersama dalam majlis berkenaan. Sebahagian daripada peserta yang hadir saya kenali dan sebahagian lagi tidak dapat diingati. Boleh dikatakan sudah 30 tahun kami terpisah sejak hari konvokesyen.

Berpisah pada usia 23 atau 24 tahun dan bertemu semula ketika masing-masing melewati umur separuh abad. Apabila bertemu, tentu kami memerlukan beberapa detik untuk mengingati dan mengenali semula. Segala-galanya berubah. Bagi kebanyakan rakan lelaki, walaupun rambut sudah memutih atau menipis, namun kelihatan lebih makmur dengan tubuh semakin merendang. Demikian juga dengan wanita, lebih sukar dikenali kerana penampilan yang sudah jauh berbeza.

Satu kegembiraan bertemu sahabat lama ialah mengetahui perkembangan kerjaya dan kehidupan umum mereka. Selain bercerita anak, cucu, kesihatan dan keluarga, pastinya kerjaya turut menjadi topik utama. Amat membanggakan mengetahui alumni itu kini sudah berada pada kedudukan tinggi dan strategik dalam

profesion mereka.

Antaranya menjadi Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di luar negara, mengetuai jabatan peringkat negeri dan persekutuan, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, pensyarah universiti, pengetua sekolah, pengurus kanan syarikat dan pemilik perniagaan sendiri. Bagi saya, maklumat ini penting dan perlu untuk universiti mengesan alumninya.

Rata-rata selepas menamatkan pengajian, mereka bekerja dalam sektor kerajaan. Seperti Teori Hirarki Keperluan Manusia Marslow, perubahan berlaku dalam aspirasi manusia sesuai peningkatan usia, pengalaman dan pandang dunia (world view) masing-masing. Melihat kepada perkembangan Sabah khususnya kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat sejak awal 1990-an, ramai yang mengambil keputusan berhenti daripada perkhidmatan sektor kerajaan dan swasta sebaliknya menceburi bidang perniagaan.

Daripada usahawan restoran, saya menemui rakan yang menceburi bidang pembalakan, pengeluaran berasaskan kayu, penjualan kereta mewah, industri berat, membuka kolej swasta, produk makanan halal, industri minyak dan gas, kontraktor jalan raya dan bangunan, perkapalan, penternakan, perikanan dan perladangan, antara bidang perniagaan diceburi alumni UKM di Sabah dan WP Labuan.

Mencerap penampilan dan pola bicara mereka, saya berhadapan usahawan berjaya. Bahkan sebahagiannya dikatakan bertaraf jutawan. Namun di sebalik gambaran zahir itu, terhimpun begitu banyak cerita dan pengalaman, jatuh dan bangun serta ketawa dan keluh yang hanya mereka lebih mengerti. Menerusi semua jerih payah itu mereka bangkit kembali menapak ke aras lebih tinggi menjadi usahawan yang tersanjung.

Di saat semua universiti, termasuk UKM secara intensif menyediakan pelbagai pakej membimbing pelajar untuk dilahirkan sebagai usahawan selepas bergraduat nanti, alumni Sabah dan Labuan membuktikan jiwa mereka lebih merdeka membina kerjaya sendiri sebagai usahawan berjaya.

Seperti diharapkan Prof Noor Aziah dalam ucapannya supaya alumni kembali menyumbang kepada alma mater, saya percaya alumni UKM yang dibanggakan ini sentiasa sedia berkongsi pengalaman pahit getir mereka untuk membolehkan siswazah UKM muncul mencipta kejayaan keusahawanan sehebat mereka.

**Timbalan Pengarah Kanan
Jabatan Canselor UKM**